

Polis belum siasat pengakuan Ezam

Oleh Munira Yusoff

SHAH ALAM, Jumaat - Polis masih belum memulakan sebarang siasatan ke atas Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional, Ezam Mohd Noor membabitkan pengakuan terbukanya bahawa beliau memburuk-burukkan nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika dan Eropah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, polis masih belum mengadakan siasatan ke atas pengakuan terbuka Ezam kerana tiada siapa yang membuat laporan secara rasmi atau memfailkan aduan terhadap Ezam apabila beliau membuat pengakuan terbuka itu dalam perhimpunan 'Gerakan Mengembalikan Hak-Hak Rakyat' anjuran Pas dan Keadilan di Batu Tiga, Tando, Kedah pada 23 Oktober lalu.

"Sekiranya ada laporan dibuat, kita akan menyia-

BH 28 OCT 2000

Tiada siapa yang membuat laporan secara rasmi atau memfailkan aduan terhadap Ezam apabila beliau membuat pengakuan terbuka

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai

sat," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Polis Diraja Malaysia dan Taitay Outdoor Media Sdn Bhd untuk melaksanakan papan tanda seragam di semua ibu pejabat kontinjen dan balai polis di seluruh negara.

Berikutan MoU itu Taitay diminta menyiapkan papan tanda penunjuk arah balai polis di seluruh negara yang akan diletakkan di jalan utama dan projek berkenaan mengambil masa lima tahun untuk menyiapkan papan tanda

yang bernilai antara RM20,000 hingga RM30,000 setiap satu.

Norian berkata, polis perlu mendapatkan laporan terperinci mengenai ucapan yang dibuat Ezam di luar negara sebelum mengatakan dia melanggar undang-undang negara ini.

Isnin lalu, Ezam ketika berceramah di perhimpunan itu dilaporkan berkata beliau terbabit dalam gerakan memburukkan Dr Mahathir di luar negara.

Beliau juga mencabar kerajaan Malaysia dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mendak-

wanya di mana-mana mahkamah di negara ini ekoran perbuatannya di luar negara itu.

Antara yang hadir di perhimpunan itu adalah Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu dan Naib Ketua Pemuda Keadilan, Mustapha Kamil Ayub.

Sementara itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) dalam kenyataannya hari ini, mengutuk pembangkang yang dipelopori Keadilan, kerana memburuk-burukkan kerajaan dan Perdana Menteri di luar negara.

MBM juga mengutuk tindakan Keadilan mendapatkan tekanan dari luar bagi cubaan membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan mengupah perunding asing, Janus Maritt Strategy (JMS), bagi mencapai tujuan itu.

Presiden MBM, Saifuddin Abdullah berkata, perbuatan itu jelas sekali ber-

tentangan dengan semangat patriotik serta rasa kecintaan terhadap negara dan merupakan sabotaj terbuka terhadap negara dan rakyat.

Keadilan dikatakan melantik JMS iaitu sebuah firma hal ehwal perhubungan awam dan strategi politik bagi tempoh empat bulan mulai Ogos lalu dengan bayaran AS\$50,000 (RM190,000) bagi usaha itu.

Katanya, jika pihak terbabit berasa ada perbezaan pendapat mengenai dasar negara, maka ia perlu diselesaikan melalui saluran demokratik yang sedia wujud seperti memenuhi undangan anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II) atau Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN).

"Malangnya mereka tidak hadir untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka," katanya.